

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 APRIL 2013**

---

**1. PELETAKKAN JAWATAN AHLI MAJLIS**

Majlis mengucapkan tahniah kepada Encik Soon Lip Chee, Encik Sim Chee Keong dan Tuan Syed Mikael Rizal Aidid kerana telah berjaya menjadi calon untuk bertanding sebagai wakil DUN di dalam PRU13. Ketiga-tiga Ahli Majlis tersebut telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP berkuatkuasa 20 April 2013.

Encik Soon Lip Chee telah berkhidmat bersama MPSP sebagai Ahli Majlis sejak 16 April 2008 dan Encik Sim Chee Keong telah dilantik sebagai Ahli Majlis pada 1 Januari 2011. Manakala Tuan Syed Mikael Rizal Aidid dilantik sebagai Ahli Majlis pada 3 Januari 2013 yang lalu.

Sepanjang tempoh perkhidmatan, mereka telah bersungguh-sungguh menyumbangkan khidmat mereka di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP kepada orang ramai.

Di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Majlis MPSP berkenaan kerana telah bersama-sama dengan seluruh warga MPSP memberi sumbangan yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan MPSP terus maju dan menjadi contoh kepada PBT yang lain.

## **2. HARI PEKERJA**

Dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2013 (Rabu).

Hari Pekerja mula diiktiraf kerajaan pada 1973 apabila diisytiharkan hari kelepasan am (cuti umum) pada tarikh 1 Mei setiap tahun.

Hari Pekerja sebenarnya mengingatkan kita betapa besarnya sumbangan para pekerja ke atas pembangunan negara. Pekerja merupakan nadi bagi setiap syarikat, organisasi ataupun negara. Tanpa pekerja yang produktif dan proaktif adalah sukar bagi syarikat atau sesebuah organisasi untuk beroperasi apa lagi berkembang dari semasa ke semasa.

Sambutan Hari Pekerja ini adalah sebagai wadah bagi menghargai sumbangan seluruh warga pekerja dalam memacu pembangunan negara ke arah kemajuan dan kemakmuran. Tema Hari Pekerja Tahun 2013 adalah "Pekerja Pemangkin Transformasi Negara".

Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja, khususnya pekerja-pekerja MPSP dan seluruh pekerja di Seberang Perai.

### **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK**

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 24 Mei 2013 (Jumaat), dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

### **4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada hari Ahad, 19 Mei 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

### **5. LARIAN MENARA MPSP 2013**

Larian Menara MPSP 2013 (MPSP Tower Run 2013) yang dijadualkan pada 28 April 2013 (Ahad), di bangunan MPSP, Bandar Perda telah DITUNDA ke 26 Mei 2013 (Ahad). Justeru, tarikh tutup penyertaan telah dilanjutkan sehingga 3 Mei 2013 (Jumaat). Tuan / puan adalah dijemput untuk hadir bagi memeriahkan lagi program tersebut yang akan bermula mulai jam 6:00 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**